

MCA hargai keprihatinan Mahathir

BH 28 JUL 2002

Oleh JAMHARIAH JAAFAR
dan TEH KIAN KEAT

KUALA LUMPUR: Perhimpunan Agung Tahunan MCA ke-49 semalam sebulat suara meluluskan ketetapan menvatakan penghargaan dan terima kasih kepada Perdana Menteri. Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana begitu prihatin terhadap perpaduan dan kestabilan dalam MCA.

Perwakilan juga menyokong penuh usaha untuk melaksanakan pelan perdamaian yang dirangka oleh Dr Mahathir, yang juga Pengerusi Barisan Nasional.

Perhimpunan itu, yang dirasmikan oleh Dr Mahathir pagi semalam, turut meluluskan resolusi yang berkaitan dengan politik, pendidikan, ekonomi dan hal ehwal sosial.

Di bidang politik, perwakilan

menetapkan bahawa mereka akan menyokong sepenuhnya usaha kerajaan membanteras keganasan di negara ini selain mengutuk serta membantah sekeras-kerasnya tindakan kerajaan Terengganu menggubal dan meluluskan undang-undang Hudud yang ternyata bertentangan dengan Pembangunan Persekutuan.

Dari segi aspek pendidikan, perhimpunan itu meluluskan ketetapan mengulangi pendirian parti untuk menjamin corak sekolah jenis kebangsaan Cina terus dipehara dan menyokong penuh usaha kerajaan menggalakkan penggunaan dan meningkatkan kefasihan Bahasa Inggeris rakyat serta menambah pengajaran Inggeris di sekolah.

Perwakilan turut menyokong penuh langkah parti untuk menubuhkan sebuah jawatankuasa khas untuk mengkaji im-

plikasi dan meneliti rancangan pembangunan pendidikan 2001-2002 dan dasar lain dalam bidang pendidikan yang dirangka oleh Kementerian Pendidikan.

Perhimpunan menyokong sistem pengambilan yang berasaskan meritokrasi seperti yang diamalkan oleh universiti tempatan dan menyeru supaya kriteria yang adil dimasukkan dalam sistem itu.

MCA menyambut baik keputusan kabinet membuka pintu kursus matrikulasi dan Maktab Rendah Sains Mara dengan peruntukan terpat sebanyak 10 peratus kepada pelajar bukan Bumiputera.

Perhimpunan mahu kerajaan supaya memberikan kelulusan pembinaan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina baru di kawasan-kawasan yang mempunyai kepadatan penduduk Cina selain

menempatkan semula SJKC yang menghadapi masalah bilangan murid berkurangan ke kawasan yang mempunyai kepadatan penduduk Cina.

Bagi bidang ekonomi pula, perwakilan mengambil ketetapan untuk menyeru komuniti pemiagaan tempatan, terutamanya pemiagaan kecil dan sederhana yang dimiliki orang Cina, mempertingkatkan daya saing dan kualiti produk mereka.

Mesyuarat meluluskan ketetapan menyokong usaha kera-

jaan dan sektor swasta mempertingkatkan perdagangan China-Malaysia dan menyeru kerajaan memberikan insentif untuk mempertingkatkan lagi perdagangan antara kedua-dua negara.

Mengenai bidang sosial, perhimpunan menyeru kerajaan supaya meneruskan usaha melindungi kepentingan pengguna dan memantau secara dekat kegiatan pemiagaan golongan tertentu yang mempromosikan barangan mereka melalui iklan yang mengelintan.

MCA menyeru supaya kerajaan bertindak tegas terhadap mereka yang menyalahi undang-undang itu.

Perhimpunan kali ini turut menyeru kerajaan meneruskan usahanya membanteras pengusahaan mesin perjudian haram dan juga pendedar dadah.

Parti itu menyeru orang ramai menyahut usaha kerajaan menggalakkan kegiatan kitar semula dan mempertingkatkan azam untuk melindungi alam sekitar ke arah mewujudkan kehidupan lebih bersih dan sihat.

Abdullah ketuai pilihan raya

UM 27 JUL 2002

Oleh ZULKIFLI JALIL -
dan YUSRI SAHAT

GENTING HIGHLANDS 26 Julai — Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mungkin akan mengetuai Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya umum akan datang, kata Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri, kemungkinan itu tidak dapat dielakkan kerana pada masa itu Abdullah adalah Perdana Menteri dan Pengerusi BN.

Menurutnya, ketika itu beliau sendiri yang tidak lagi memegang sebarang jawatan dalam kerajaan dan parti akan memberi bantuan dan sokongan dari luar.

Beliau turut berkeyakinan bahawa Abdullah apabila memegang jawatan Perdana Menteri kelak akan mengekalkan prestasi BN dalam pilihan raya umum.

Menerajui

“Ya, ya kenapa tidak, beliau (Abdullah) adalah Pengerusi Barisan Nasional, dia akan ketuai (BN pada pilihan raya umum akan datang).

“Lagi pun, bukan saya yang nak pilih (calon BN pada pilihan raya umum akan datang), Datuk Seri Abdullah yang nak pilih. Bila kita ada pilihan raya, kemungkinan ialah Datuk Seri Abdullah jadi Perdana Menteri dan Pengerusi BN,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan pembukaan Hotel First World dan Plaza di sini hari ini.

Dr. Mahathir mengulas sama ada Abdullah yang diisytiharkan oleh beliau sebagai bakal penggantinya selepas Oktober tahun depan akan menerajui BN pada pilihan raya umum ke-11.

Terdahulu daripada itu, Dr. Mahathir menjelaskan laporan akhbar hari ini yang memetikinya sebagai berkata bahawa beliau mahu kesemua 14 parti dalam komponen BN menerima apa sahaja keputusan yang bakal dibuatnya berhubung pembahagian kerusi pada pilihan raya umum akan datang.

Semasa berucap dalam majlis penutup

■ Lihat muka 4

UM 27 JUL 2002

Abdullah ketuai pilihan raya

Konvensyen BN Johor di Johor Bahru semalam, Dr. Mahathir berkata, dia membuat rayuan awal berhubung pengagihan kerusi itu supaya apabila beliau selaku Pengerusi BN sudah membuat keputusan mengenainya, diharapkan semua dapat menerima.

Jelas Perdana Menteri, ucapannya di Johor semalam itu bukan merujuk mengenai pilihan raya umum (tarikhnya) sebaliknya menyentuh soal pengagihan kerusi apabila berlaku penambah jumlah berikutan persempadanan baru oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).

Menurutnya, “beliau sebenarnya pelik mengapa media menumpukan berita mengenai intipati ucapannya di Johor Bahru semalam dengan memfokuskan isu pembahagian kerusi pilihan raya untuk parti komponen BN.

Sedangkan, jelas beliau, ucapannya yang banyak menyentuh aspek kebaikan dan sejarah penubuhan BN semasa era Presiden UMNO pertama, Datuk Onn Jaafar dan kedua, Tunku Abdul Rahman tidak difokuskan.

“Saya cuma kata sahaja, tak ada apa-apa. Lagipun bukan saya yang nak pilih (calon BN), Datuk Seri Abdullah yang nak pilih,” katanya.

Ditanya sama ada kenyataannya yang merujuk Abdullah akan menerajui BN pada pilihan raya umum akan datang bermakna pilihan raya akan diadakan selepas Oktober 2003, Dr. Mahathir berkata:

“Nanti you tengoklah. Saya dapati press (media) suka sangat pasal pilihan raya. Baru sahaja selesai pilihan raya, dia nak cakap (lagi) pasal pilihan raya.”

Mengulas momentum dalam negara sekarang kelihatan kemenangannya memihak kepada BN jika pilihan raya umum diadakan sekarang atau tahun depan, beliau berkata: “Itu you (awak) punya pendapat.”

Tegas Dr. Mahathir lagi, RN sentiasa bersiap-sedia menghadapi pilihan raya umum jika diadakan bila-bila masa dari sekarang.